

| | | | |
|------------|---|-------------|---------------------|
| Headline | Rabies: MPT bantu lupus anjing liar di Matang | | |
| MediaTitle | New Sabah Times Bahasa (KK) | | |
| Date | 20 Jul 2017 | Color | Full Color |
| Section | Semasa | Circulation | 17,812 |
| Page No | 8 | Readership | 53,436 |
| Language | Malay | ArticleSize | 119 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 595 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 1,785 |



Rabies: MPT bantu lupus anjing liar di Matang

TAIPING: Majlis Perbandaran Taiping (MPT) akan membantu melupuskan anjing liar yang ditembak di Kuala Sepetang di tapak pelupusan di Matang sebagai usaha untuk mengekang penularan wabak penyakit anjing gila atau rabies.

Yang Dipertua MPT Datuk Abd Rahim Md Ariff berkata pihaknya akan membantu Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri Perak untuk melupuskan semua anjing liar berkenaan.

“Anjing yang berlesen pula akan divaksinkan untuk mencegah wabak penyakit itu,” katanya kepada pemberita selepas majlis demonstrasi peralatan mengesan pokok di Taman Tasik di sini hari ini.

Selain itu, Abd Rahim berkata sebanyak 24 lesen anjing dikeluarkan di Kuala Sepetang bagi tempoh Januari hingga bulan ini.

“Lesen anjing ialah RM18 seekor dan tidak akan dikenakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), maka kita meminta pemilik anjing supaya dan mendaftar untuk mendapatkan lesen yang sah,” katanya.

Isnin lepas, kerajaan negeri Perak mewartakan kawasan mukim Matang dalam daerah Larut, Matang dan Selama sebagai kawasan penyakit anjing gila selepas seekor anjing mati pada 13 Julai akibat positif rabies.

Dalam perkembangan lain, Abd Rahim berkata sebanyak 40 pokok Hujan-Hujan (Samanea saman) yang menjadi ikon kepada bandar itu sedang menjalani proses pemeliharaan dan konservasi untuk memanjangkan jangka hayat tumbuhan tersebut.

Katanya usaha itu dibuat dengan kerjasama Institut Penyelidikan dan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan sebuah syarikat swasta bagi memastikan pokok berkenaan tidak pupus.

Kerajaan negeri memperuntukan sebanyak RM50,000 tahun ini untuk pemeliharaan pokok itu terutama membuang parasit yang boleh mengakibatkan pokok mati. -Bernama